

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN**

**DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA : Y.B. PUAN TERESA KOK SUH SIM  
(SEPUTEH)**

**PERTANYAAN : BERTULIS**

**Y.B. PUAN TERESA KOK SUH SIM [ SEPUTEH ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan hutang negara "vis a vi" KDNK pada Disember 2013, 2014 dan 2015.

**JAWAPAN**

Tuan Yang Di-Pertua,

Paras hutang Kerajaan Persekutuan berbanding Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) adalah seperti berikut:

| <b>Tahun</b> | <b>% kepada KDNK</b> |
|--------------|----------------------|
|--------------|----------------------|

|      |      |
|------|------|
| 2013 | 53.0 |
| 2014 | 52.7 |
| 2015 | 54.5 |

Bagi memastikan paras hutang Kerajaan Persekutuan kekal rendah dan terurus, langkah konsolidasi fiskal akan terus diamalkan bagi mengurangkan paras defisit secara berperingkat. Kedudukan ini seterusnya akan mengurangkan keperluan Kerajaan untuk meminjam dan dapat menurunkan paras hutang. Kepatuhan yang tegas terhadap disiplin fiskal serta pengurusan hutang yang baik terus diberikan penekanan bagi memastikan kedudukan fiskal dan makroekonomi terus kukuh serta dapat menampai sebarang krisis.